



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**15 Mac 2024
04 Ramadan 1445H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	•
Sinar Harian	• Udang karaancam perairan Muar
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	• Jabatan Perikanan selar kumpulan guna kaedah haram tangkap ikan
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Awani	• Tular bom ikan: Spesies asli banyak yang mati

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI	/		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL			-	15/3/2024

Tular bom ikan: Spesies asli banyak yang mati



SHAH ALAM: Ikan 'kayangan' yang boleh mencecah ribuan ringgit seekor seperti kelah dan tengas antara spesies didapati mati akibat tangkapan dilarang oleh sekumpulan individu tidak bertanggungjawab. sepertimana tular di media sosial baru-baru ini.

Berdasarkan hasil siasatan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melalui Pejabat Perikanan Daerah Hulu Perak, ia termasuk jenis terubuk, lampam dan beberapa spesies lain yang merupakan ikan asli di Sungai Singor, Hutan Simpan Temenggor, Gerik, Perak.

Ketua Pengarah DOF, Datuk Adnan Hussain berkata, pihaknya memandang serius mengenai video tersebut dan masih menjalankan siasatan bagi mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.

"DOF menyelar tindakan sekumpulan individu disyaki menggunakan kaedah dilarang menyebabkan kematian ikan yang banyak di Sungai Singor.

"Ikan kelah iaitu 'Tor Tambroides' merupakan spesies dilindungi di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992, Jadual Kedua Kaedah 3 (4) yang menyatakan larangan menangkap, membunuh dan memiliki kecuali mendapat kelulusan bertulis pegawai perikanan darat.

"Sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah kaedah ini boleh disabitkan dan dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sebelum ini, tular rakaman video memaparkan sekumpulan individu menunjukkan hasil tangkapan ikan yang banyak di satu kawasan sungai dalam hutan.

Rakaman video berkenaan bagaimanapun menerima kecaman hebat daripada warganet kerana tidak berpuas hati dengan kaedah penangkapan ikan itu.

Adnan memaklumkan, antara kaedah penangkapan ikan yang dilarang di bawah Akta Perikanan 1985 adalah penggunaan arus atau renjatan elektrik, bom ikan, menuba ikan mahupun menggunakan racun.

Hal ini kerana menurutnya, ia berisiko merosakkan ekosistem habitat air tawar dan laut serta mengakibatkan kepupusan spesies asli yang menghuni kawasan terbabit.

"Kejadian tidak bertanggungjawab ini juga menjadikan kesinambungan ekosistem di kawasan tersebut terputus terutamanya lubuk habitat utama induk ikan sungai.

"Contohnya, kawasan untuk kelah dan tengas bertelur sehingga menghasilkan anak-anak ikan yang menjadi salah satu rantaian makanan di sungai ini.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		BERNAMA	/	
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		MALAYSIAGAZZETE	/	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	/	-	
								15.03.2024

JABATAN PERIKANAN SELAR KUMPULAN GUNA KAEDAH HARAM TANGKAP IKAN



KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) hari ini menyelar tindakan sekumpulan individu disyaki telah menggunakan kaedah dilarang yang menyebabkan kematian banyak ikan di Sungai Singor, Hutan Simpan Temenggor, Gerik, Perak seperti yang tular di media sosial baru-baru ini.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Datuk Adnan Hussain dalam kenyataan berkata siasatan terhadap perkara itu sedang dijalankan bagi mengambil tindakan undang-undang sewajarnya.

"Hasil siasatan yang dijalankan Pejabat Perikanan Daerah Hulu Perak mendapati kematian ikan berkenaan adalah melibatkan spesies tengas, kelah, terubul, lampam dan beberapa spesies lain yang merupakan ikan asli di kawasan tersebut.

"DOF masih giat menjalankan siasatan dan mengumpul bukti," katanya.

Menurut kenyataan itu, ikan kelah (*Tor tambroides*) adalah spesies yang dilindungi di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992, Jadual Kedua, Kaedah 3 (4) yang menyatakan larangan menangkap, membunuh dan memiliki kecuali mendapat kelulusan bertulis Pegawai Perikanan Darat.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah kaedah tersebut boleh dikenakan denda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali. Kenyataan itu memaklumkan antara kaedah penangkapan ikan yang dilarang di bawah Akta Perikanan 1985 ialah penggunaan arus atau renjatan elektrik, bom ikan, menuba ikan atau menggunakan racun dan kaedah penangkapan itu boleh menyebabkan kerosakan ekosistem kehidupan air tawar dan laut selain boleh menyebabkan kepupusan spesies asli yang menghuni kawasan tersebut.

Dalam pada itu, DOF sedia bekerjasama dengan semua pihak bagi menangani kes berkenaan dan orang awam yang mempunyai maklumat boleh menghubungi talian hotline 24 jam FishCom 03-88704058.

Baru-baru ini tular video berdurasi 26 saat di media sosial yang memaparkan sekumpulan lelaki menunjukkan hasil ikan yang diperoleh mereka, dipercayai dengan menggunakan bom di Sungai Singor dan perbuatan itu mendapat kritikan netizen.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL		29	15-3-2024

JOHOR TELUS & TULUS **Sinar** Harian Negeri 29
 TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN
 JUMAAT 15 MAC 2024 • SINAR HARIAN

Udang karaancam perairan Muar

SH.M529

Spesies Red Claw berasal dari Australia semakin banyak ditemui

Oleh NOR AZURA MD AMIN MUAR

Spesies udang kara air tawar Red Claw atau Blue Crayfish (*Cherax quadricarinatus*) berasal dari Australia kini dikesan semakin banyak di perairan di sekitar mukim Ayer Hitam, di sini.

Menerusi video tular @Abg Ikan di TikTok, menunjukkan udang kara berkenaan ditangkap dalam jumlah yang besar menggunakan bubu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Zainudin Abd Wahab berkata, udang kara air

tawar tersebut merupakan spesies invasif yang akan memakan telur ikan serta anak ikan yang ada di perairan sesuatu tempat.

Jelasnya, Jabatan Perikanan memandang serius kemasukan spesies tersebut dan langkah berjaga-jaga dilakukan bagi memastikan spesies tersebut tidak invasif dan menjadi pemangsa kepada spesies tempatan sekiranya ia terlepas ke perairan luar.

“Untuk pengetahuan, akibat mudahnya udang kara air tawar ini membiak, spesies ini telah memenuhi kebanyakan perairan ini seterusnya telah mengancam spesies asal di perairan ini.

“Antara spesies yang asal di perairan mukim Ayer Hitam ini adalah keli, haruan, sepat dan pelbagai lagi ikan lain.

“Namun disebabkan udang kara air tawar ini, semua spesies asal telah menjadi sangat kurang dan sukar diperolehi,” ujar ketika dihubungi pada Khamis.

UDANG KARA AIR TAWAR

- Mempunyai warna yang menarik iaitu kebiru-biruan dan berbintik putih.
- Spesies ini paling sesuai hidup di air tawar dalam keadaan pH7.
- Saiz matang udang ini adalah dalam tingkungan 8 hingga 14 inci.
- Ia diperkenalkan di seluruh dunia sebagai spesies peliharaan dan industri akuakultur.



Norilham atau dikenali sebagai Abg Ikan@ (kiri) menunjukkan udang kara air tawar yang berjaya ditangkap.

Menurut beliau, Pejabat Perikanan Daerah Muar bersama Kelab Alam Sekitar Seri Sempadan dan Abg Ikan@ Norilham Hakim telah melaksanakan pelbagai kempen



Video tular menunjukkan spesies ini semakin membiak di perairan Ayer Hitam, Muar,

untuk menghapuskan populasi udang kara air tawar tersebut.

Antaranya bekerjasama dengan penduduk mengumpulkan udang kara yang ditangkap dan menjualnya kepada peraih yang

dikenal pasti akan datang untuk membeli hasil tersebut.

“Cadangan lain dibangkitkan termasuklah mempelbagaikan ia sebagai menu masakan supaya lebih ramai minat dengan hidangan udang kara air tawar ini,” katanya.